

Tinjauan Terhadap Tiga Model Pembelajaran Hafazan al-Quran dan Sinerginya ke Arah Melahirkan Generasi Hamalatul Quran Garapan MARA

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 156-172
 © The Author(s) 2022
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 29 Jun 2022
 Accepted: 11 September 2022
 Published: 30 September 2022

[A Review of The Three Quranic Memorization Models and Their Synergy Towards Producing a Hamalatul Quran Generation by MARA]

Mohamad Rasyidi Ghazali & Aswati Hamzah¹

¹ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia.
 E-mail: rasyidighazali@student.usm.my; asmawati@usm.my

* Corresponding Author: rasyidighazali@student.usm.my

Abstrak

Hafazan al-Quran telah diamalkan sejak peristiwa penurunan wahyu kali pertama. Sebagai cabang ilmu, Hifz al-Quran telah mencapai kematangannya yang tersendiri. Amalan menghafaz Al-Quran telah berkembang dari hari pertama khatib hingga sekarang. Tuntutan masyarakat terhadap program pendidikan tafsir al-Quran amat menggalakkan dari semasa ke semasa. Scenario ini menunjukkan sikap positif masyarakat Islam di Malaysia terhadap pengajaran Al-Quran sebagai penjaga jiwa daripada melakukan perkara yang bertentangan dengan amalan umat Islam. Dalam konteks pendidikan tafsir di Malaysia, MRSM Ulul Albab merupakan salah satu institusi pendidikan di peringkat menengah yang menawarkan program Ulul Albab. Program Ulul Albab telah menggabungkan sains dan tafsir al-Quran dalam satu sistem pendidikan yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab. Para pelajar berpeluang mempelajari mata pelajaran sains dan al-Quran secara formal. Melalui program Ulul Albab, MARA telah membuka peluang pendidikan kepada bumiputera untuk mempelajari subjek sains dan agama secara serentak. Matlamat MARA adalah untuk melahirkan generasi Ulul Albab yang mempunyai kualiti Hamalatul Quran melalui aktiviti hafazan al-Quran. Walaupun aktiviti hafazan al-Quran di MRSM Ulul Albab telah dijalankan lebih sedekad, namun aktiviti hafazan al-Quran masih belum mempunyai rangka kerja yang menyeluruh. Oleh itu, kajian kualitatif dengan mengaplikasikan analisis dokumen telah dijalankan untuk mencari keseragaman tiga model hafazan al-Quran bagi mencadangkan rangka kerja hafazan al-Quran yang sesuai untuk MRSM Ulul Albab. Diharapkan dengan kajian ini dapat membantu pihak pengangur program untuk mereka bentuk suaian model hafazan al-Quran yang komprehensif untuk aktiviti hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab.

Kata kunci: Hamalatul Quran, MRSM Ulul Albab, Aktiviti Hafazan al-Quran, Kerangka Hafazan al-Quran

Abstract

Quranic memorizing has been practiced since the first revelation al-Quran. As a branch of knowledge, Hifz al-Quran has reached its own maturity. The Quranic memorization practices has grown from the day first of his revelation until now. The community's demand upon tafsir al-Quran education program is encouraging from time to time. This scenario shows the positive attitude among muslim community in Malaysia towards Al-Quran teaching as a soul-guarding from doing things that are contrary to the Muslim's practices. In the context of tafsir education in Malaysia, MRSM Ulul Albab is one of the educational institutions at the secondary level that offers the Ulul Albab program. Ulul Albab program

has combined science and tafhiz al-Quran in an educational system known as MRSM Ulul Albab Education System. The students have the opportunity to learn sciences subject and al-Quran in formal way. Through the Ulul Albab program, MARA has opened up educational opportunities for bumiputras to study science subjects and religion simultaneously. MARA's goal is to produce a generation of Ulul Albab who have the quality of Hamalatul Quran through Quranic memorization activity. Although the Quranic memorization activity at MRSM Ulul Albab has been conducted for more than a decade, the Quranic memorization activity still does not have a comprehensive framework. Therefore, a qualitative study by applying document analysis was conducted to find the uniformity of three Quranic memorization models to suggest a proper Quranic memorization framework for MRSM Ulul Albab. It is hoped that with this study, it can help the program organizers to design a comprehensive Quranic memorization models suit to MRSM Ulul Albab Quranic memorization activity.

Keywords: Hamalatul Quran, MRSM Ulul Albab, Quranic memorization Activity, Quranic memorization framework

Cite This Article:

Mohamad Rasyidi Ghazali & Aswati Hamzah. (2022). Tinjauan Terhadap Tiga Model Pembelajaran Hafazan al-Quran dan Sinerginya ke Arah Melahirkan Generasi Hamalatul Quran Garapan MARA [A Review of The Three Quranic Memorization Models and Their Synergy Towards Producing a Hamalatul Quran Generation by MARA]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 166-172.

Pengenalan

Hafazan al-Quran merupakan salah satu kaedah pembelajaran al-Quran yang paling awal diamalkan oleh Rasulullah. Wahyu pertama yang disampaikan oleh Allah taala kepada baginda nabi Muhammad S.A.W adalah dalam bentuk lisan dan disampaikan melalui perantaraan malaikat Jibrail AS (Farah Ilyani et al., 2018). Melalui kaedah dengar, semak dan ulang yang diperaktikkan oleh Rasulullah dan Jibrail AS telah membentuk sebuah disiplin ilmu yang masih diamalkan sehingga kini. Golongan para sahabat merupakan generasi pertama yang dididik secara terus-menerus daripada Rasulullah, bermula dari peringkat pertama wahyu diturunkan sehingga lengkap penurunan 30 juzuk. Pada asasnya al-Quran di pelihara dari sebarang perubahan melalui tiga cara iaitu baca, hafal dan tulis. Walau pun terdapat segelintir sahabat yang mencatat ayat-ayat al-Quran pada peringkat awal penurunan wahyu, namun catatan-catatan tersebut tidak dibukukan secara khusus dan lebih bersifat pemilikan peribadi (Mohamad Zawawi, 2015). Implikasinya, para sahabat amat fasih menghafal al-Quran kerana al-Quran telah kukuh dalam ingatan dan hati mereka sebelum ianya dibukukan. Generasi sahabat mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana setiap ayat al-Quran yang dipelajari akan diperhalusi maknanya oleh Rasulullah (Abdul Jalal et al., 2015). Oleh yang demikian, generasi sahabat merupakan generasi yang mempunyai tingkat kefahaman yang begitu mendalam terhadap al-Quran kerana mendapat didikan secara konsisten oleh Rasulullah. Generasi inilah yang layak digelar sebagai generasi Hamalatul Quran di atas kesungguhan mereka dalam menuntut ilmu al-Quran dan menyebarkannya kepada masyarakat sejagat.

Proses menghafal al-Quran memerlukan kepada persediaan fizikal dan mental yang terbaik. Ulama-ulama seperti al-Qabisi, al-Qalamuni dan al-Nawawi sangat memberi penekanan terhadap kesediaan mental, spiritual dan jasmani seseorang calon huffaz sebelum memulakan pengajian dalam bidang tafhiz al-Quran. Ulama-ulama dalam bidang al-Quran

berpendapat bahawa bidang *Hifz al-Quran* merupakan suatu bidang yang istimewa. Bidang ini hanya mampu diceburi oleh mereka yang dipilih oleh Allah untuk menjaga kesucian kalamnya dari sebarang perubahan. Seseorang huffaz sewajarnya dinilai menerusi kuantiti ayat al-Quran yang mereka hafal dan mereka mampu untuk memahami setiap isi kandungan ayat al-Quran yang telah dipelajari. Pada peringkat selanjutnya, aspek kefahaman dan penjiwaan pengajaran al-Quran seharusnya diterjemahkannya dalam bentuk tingkah laku. Menurut Rashidi&Azhar (2018), Huffaz yang berkualiti adalah golongan huffaz yang memiliki akhlak yang luhur yang disebut sebagai *Khuluqul al-Quran*. Menjadi matlamat utama bagi setiap institusi pendidikan tafhiz dalam melahirkan huffaz yang berkualiti. Namun sejahterakan aspek pelaksanaan aktiviti hafazan al-Quran di setiap institusi tafhiz al-Quran terarah kepada pembentukan generasi al-Quran yang mempunyai pekerti *khuluqul al-Quran* yang layak digelar sebagai generasi Hamalatul Quran?

Dalam konteks pendidikan moden, Nik Md Saiful Azizi & Rabi'atul Atirah (2020) menyatakan bahawa, permintaan terhadap sistem persekolahan yang menawarkan pengajian tafhiz al-Quran dan akademik dalam satu aliran semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat di negara ini. Peningkatan permintaan ini dapat dilihat melalui permohonan kemasukan ke sekolah-sekolah yang menawarkan program Ulul Albab telah meningkat dari masa ke semasa. Bahagian Pendidikan Menengah MARA (BPM) melaporkan menerusi *Kajian Pencapaian Outcome (KPO) MRSM Ulul Albab Gemencheh* (2017) mendapati bahawa statistik permohonan kemasukan ke MRSM Ulul Albab mengalami peningkatan yang ketara bagi tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya. Situasi ini memperlihatkan bahawa, masyarakat Malaysia mempunyai kemauan yang tinggi dalam melahirkan generasi muda yang mempunyai pengetahuan agama menerusi penghayatan al-Quran sebagai pendinding diri dalam mendepani cabaran hidup yang semakin mencabar. Walaubagaimanapun Mohd Hakim et al. (2021) menyatakan proses melahirkan huffaz yang menjawai kefahaman al-Quran sukar untuk direalisasikan kerana aspek pengajaran kefahaman kurang dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran hanya tertumpu kepada proses menghafal ayat tanpa memahami. Rashidi & Azhar (2018) berpendapat bahawa, proses melahirkan seseorang huffaz yang benar-benar menjawai kefahaman al-Quran memerlukan kesatuan dan kesungguhan pelbagai pihak antaranya ibubapa, guru, masyarakat dan kerajaan dalam menjayakan hasrat ini.

Latar Belakang kajian

MRSM Ulul Albab merupakan institusi pendidikan di peringkat menengah yang menawarkan program pendidikan berteraskan STEM (*Science, Technology, Engineering, Mathematic*) dan program pengajian al-Quran secara serentak. Program Ulul Albab merupakan sebuah program pendidikan yang bersifat terbeza jika dibandingkan program pendidikan yang lain yang dianjurkan oleh pihak BPM MARA. Pada asasnya, program Ulul Albab di MRSM ini dilaksanakan berpaksikan kepada tiga domain utama iaitu *Quranik, Ijtihadik* dan *Ensiklopedik*. Dengan adanya program Ulul Albab, BPM MARA telah membuka peluang pendidikan yang baharu kepada masyarakat Malaysia untuk mengikuti program pendidikan al-Quran dan akademik secara bersepadu di peringkat menengah. Penawaran program hafazan al-Quran di MRSM Ulul Albab menunjukkan perkembangan positif apabila MARA melaporkan seramai

1905 orang huffaz telah berjaya dilahirkan daripada Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab ini (Laporan Hafazan Bulan Oktober 2022, Unit Pendidikan Islam, BPM MARA, 2022).

MARA telah menetapkan matlamat penawaran program Ulul Albab ini adalah untuk melahirkan golongan profesional teknokrat yang mempunyai latar belakang pendidikan sains dan al-Quran yang dikenali sebagai Generasi Ulul Albab (Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab, BPM MARA, 2008). Generasi Ulul Albab disifatkan sebagai generasi yang bakal menyumbang bakti yang terbaik kepada agama, nusa dan bangsa (Sabri, 2008). Bagi memenuhi keperluan ini, generasi ini telah dibekalkan dengan ilmu duniaawi dan ukhrawi. Penerapan konsep pendidikan al-Quran telah dilaksanakan menerusi penawaran program tahniz al-Quran dan Pendidikan Sunnah Syariah. Aktiviti hafazan al-Quran merupakan ciri keterbezaan yang utama dalam Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab. MARA telah memulakan pelaksanaan program Ulul Albab dengan menjadikan MRSM Kota Putra yang terletak di Besut Terengganu sebagai MRSM Ulul Albab yang pertama (Arni Yuzie, 2015). Sekumpulan guru dan pelajar telah dipilih dan ditempatkan di MRSM Kota Putra bagi menjalankan program ini. Sehingga tahun 2022, tujuh buah MRSM Ulul Albab sedang beroperasi di Malaysia (Sistem Pendidikan MRSM, t.t). Penambahan bilangan MRSM Ulul Albab saban tahun, menunjukkan bahawa terdapat permintaan daripada masyarakat Malaysia terhadap sistem pendidikan yang mengintegrasikan pendidikan sains dan hafazan al-Quran secara bersepadu (<https://www.utusan.com.my/nasional/2019/04/tambah-2-lagi-mrsm-ulul-albab/>).

Penawaran program Ulul Albab telah melibatkan penambahan tenaga kerja iaitu pengambilan guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan agama dan tahniz al-Quran (Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab (2008). Dari aspek pengurusan kurikulum hafazan pula, Modul Hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab yang telah digubal oleh sekumpulan pegawai-pegawai pendidikan MARA yang mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan al-Quran. Modul ini dilengkapi dengan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh pelaksana di setiap MRSM Ulul Albab dalam menjalankan aktiviti hafazan. Bermula pada tahun 2008, pihak BPM telah membekalkan naskah Modul Hafazan al-Quran kepada semua guru pendidikan Islam yang bertugas di MRSM Ulul Albab. Secara dasarnya pihak BPM telah membekalkan keperluan yang mencukupi dari aspek penyediaan sumber. Kursus dan latihan bagi memantapkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga telah dilaksanakan untuk membantu guru-guru menjalankan proses pengajaran dengan lebih berkesan. Setelah sedekad melaksanakan program hafazan di MRSM Ulul Albab seharusnya guru-guru di MRSM telah mahir dalam melaksanakan proses pengajaran sesuai dengan maklumat yang termaktub dalam Modul Hafazan MRSM Ulul Albab keluaran BPM MARA.

Aktiviti hafazan di MRSM Ulul Albab

Aktiviti Hafazan al-Quran yang dijalankan di MRSM Ulul Albab merupakan aktiviti wajib yang perlu dilaksanakan kepada pelajar-pelajar MRSM Ulul Albab. Menerusi pelaksanaan domain Quranik, MARA meletakkan matlamat untuk melahirkan huffaz dalam tempoh tiga tahun dan menghasilkan huffaz yang mampu memahami makna dan pengajaran al-Quran menerusi konsep BIFFAS (Baca, Ingat, Fikir, Faham, Amal dan Sebar). Menerusi Modul Hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab (2008) guru telah dibekalkan dengan cadangan-cadangan aktiviti pengajaran yang wajar dilaksanakan sepanjang sesi persekolahan. Berikut merupakan

perincian kaedah dan teknik hafazan al-Quran yang dianjurkan oleh pihak BPM kepada guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran:

1. **Kaedah Tahriri:** Kaedah Tahriri secara asasnya adalah kaedah menulis ayat al-Quran. Kaedah ini diaplikasikan oleh guru dalam membantu pelajar menguatkan hafazan mereka melalui kaedah tulisan. Sebuah buku kerja Tahriri dibekalkan kepada pelajar untuk menulis ayat-ayat al-Quran yang akan dihafal setiap hari. Pelajar akan menulis ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan kaedah penulisan Rasm Uthmani.
2. **Kaedah Talaqqi Wal Musyafahah:** Kaedah ini merupakan sebuah proses merakamkan ingatan melalui kaedah dengar dan baca. Terdapat dua teknik utama yang diketengahkan berdasarkan kaedah ini iaitu proses mendengar (*Qiraah ala Sheikh*) dan proses membaca (*Samma'a ala Sheikh*). Proses pertama adalah murid mendengar bacaan guru, kemudian pelajar membaca bacaan di hadapan guru untuk menyemak kualiti bacaan dari sudut ketepatan bacaan, tajwid dan sebutan huruf. Komunikasi dua hala diantara pelajar amatlah penting bagi memastikan pelajar membaca ayat al-Quran dengan tepat sebelum mula menghafalnya. Bacaan guru dan pelajar adalah memalui riwayat Imam *Hafs' an Asim 'ala Tariq Syatibiah*.
3. **Kaedah Gundal (Tikrar):** Gundal membawa maksud mengulang-gulang bacaan. Melalui kaedah ini pelajar yang telah menyemak bacaannya dihadapan guru, guru akan ditetapkan potongan ayat Al-Quran yang wajib dihafal mengikut kemampuan mereka. Teknik ini dinamakan *Qit'ah*. Pelaksanaan teknik *Qit'ah* adalah seperti berikut:
 - a. Guru membahagikan potongan ayat-ayat al-Quran kepada pelajar, kemudian pelajar akan mengulang bacaan sebanyak 48 kali sehingga lancar dan kukuh dalam ingatan mereka.
 - b. Setelah lancar pada *Qit'ah* yang pertama, pelajar akan melakukan kaedah yang sama pada *Qit'ah* yang berikutnya. Aktiviti ini akan berterusan sehingga pelajar mampu untuk menyambung semua ayat ayat bagi satu muka surat al-Quran dengan lancar dan diulang bacaan sebanyak 10 kali bagi satu muka surat penuh.
4. **Kaedah Murajaah:** Kaedah ini merupakan kaedah untuk mengukuhkan hafazan dalam ingatan pelajar bagi ayat-ayat al-Quran yang telah ditasmik kepada guru. Kaedah ini terbahagi kepada dua teknik iaitu teknik *Sabaq* (pengulangan ayat hafazan baru) dan *Manzil* (Pengulangan ayat-ayat yang lama). Perinciannya adalah seperti berikut:
 - a. Teknik Manzil: teknik ini digunakan oleh pelajar untuk mengulangi ayat yang sudah ditasmik satu hari sebelum dengan guru pada waktu yang ditetapkan.
 - b. Teknik Sabaq: teknik ini digunakan oleh pelajar untuk mengulang satu hingga tiga juzuk pada masa yang sesuai. ia dilakukan secara berpasangan dan masing-masing menyemak bacaan pasangannya secara bergilir-gilir.
5. **Kaedah Penilaian Harian (Tasmik):** Walaupun kaedah ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam Modul Quranik MRSM Ulul Albab, para ilmuwan dalam bidang hafazan al-Quran menyatakan kaedah tasmik merupakan kaedah utama yang digunakan oleh guru

dalam menilai aspek penguasaan hafazan pelajar. Menurut Nor Musliza dan Mokmin (2014) Tasmik merupakan satu proses yang terpenting dalam menjamin kualiti hafazan pelajar bagi mencapai aspek hafazan yang sempurna dan memperbaiki atau memperbetulkan bacaan pelajar dari aspek tajwid dan makhrajnya. Aspek kekuatan memori yang berbeza dikalangan pelajar mempengaruhi kuantiti dan kualiti hafazan mereka. Oleh itu guru berperanan untuk menilai dan merekod prestasi hafazan pelajar secara harian di dalam buku rekod hafazan dan di gredkan kualiti hafazan mereka. Azmil&Kamarul Azmi (2016) berpendapat bahawa, kaedah Tasmik tidak harus diabaikan oleh pelajar kerana melalui kaedah tasmik pelajar dapat menilai kualiti hafazan mereka. Pelajar tidak mampu menilai bacaan mereka melainkan ianya dinilai oleh rakan atau guru. Berpandukan carta alir proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz Al-Quran di MRSM Ulul Albab, pembahagian kaedah Tasmik adalah seperti berikut :

- a. *Tasmik Maa' Zamil* bermaksud menyemak hafazan bersama rakan bagi tujuan semakan dari sudut kelancaran, tajwid dan ketepatan makhraj huruf. Aktiviti ini dilakukan secara berpasangan. Pelajar-pelajar saling bantu-membantu memperbetulkan hafazan antara satu sama lain sebagai persediaan sebelum menghadapi ujian *Tasmik* harian bersama guru.
 - b. *Tasmik Ma'al Mualim* adalah ujian hafazan harian pelajar bersama guru. Guru akan menilai kualiti hafazan pelajar bagi menentukan samada pelajar layak untuk meneruskan hafazan bagi mukasurat baharu atau mengekalkan hafazan pada muka surat yang sama .
6. **Konsep BIFFAS (baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar):** Objektif yang kedua dalam pelaksanaan domain Quranik dalam program Ulul Albab di MRSM adalah untuk melahirkan generasi yang memahami al-Quran dengan mengadaptasikan konsep BIFFAS. Walau pun tidak diuraikan dengan jelas cara pelaksanaannya dalam modul Quranik MRSM Ulul albab, namun pengkaji mendapati tercatat dalam modul hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab (2008) yang mendefinisikan BIFFAS sebagai satu kaedah memahamkan pelajar tentang isi kandungan dan pengajaran al-Quran menggunakan kaedah Baca, Ingat, Faham, Fikir, Amal dan Sebar. Para cendekiawan Islam antaranya Yusuf al-Qardawi dalam kitab karangannya iaitu *Kaifa Nata'amal Ma'a' al-Quran* (2016) dan Abas Asyafah (2014) menerusi kitab karangannya *Konsep Tadabbur al-Quran* mengulas dengan panjang lebar konsep pendidikan al-Quran serta amalan-amalan yang perlu dilaksanakan oleh seorang muslim bagi tujuan memahami isi kandungan al-Quran. Pengkaji berpendapat bahawa proses memahami al-Quran memerlukan satu prosedur yang sistematik bagi melahirkan huffaz yang benar-benar menjawai kefahaman al-Quran, oleh yang demikian, sebuah kajian lanjut berkaitan konsep BIFFAS ini wajar dilaksanakan agar proses membumikan al-Quran dalam sanubari pelajar dapat dilaksanakan sesegera yang mungkin.

Penyataan Masalah

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mardhiah (2018) mendapati bahawa terdapat sebilangan guru dari Jabatan Pengajian Islam di MRSM Ulul Albab kurang jelas tentang kewujudan Modul Hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab. Ini memberi gambaran bahawa guru-guru yang menjalankan aktiviti hafazan al-Quran di MRSM mempunyai tahap pengetahuan yang pelbagai berkaitan kaedah, teknik dan strategi hafazan al-Quran. Zainora et al. (2018) mendapati bahawa guru di MRSM Ulul Albab lebih cenderung menggunakan kaedah dan teknik hafazan sewaktu sesi pengajaran berdasarkan pengalaman mereka yang lalu. Hasil dapatan kajian Zainora et al. (2018) memperlihatkan bahawa, guru cenderung mengamalkan kaedah pengajaran hafazan berdasarkan pengetahuan sedia ada berbanding menjadikan modul hafazan al-Quran sebagai rujukan utama dalam melaksanakan aktiviti pengajaran hafazan kepada pelajar. Berdasarkan isu yang ditimbulkan oleh Mardhiah (2018) dan Zainora et al. (2018) timbul persoalan, adakah guru-guru di MRSM Ulul Albab mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam melaksanakan aktiviti hafazan di MRSM Ulul Albab.

Pada tahun 2017, pihak BPM telah menjalankan sebuah kajian KPO atau Kajian Penilaian *Outcome* bagi menilai tahap pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM Ulul Albab Gemencheh, Negeri Sembilan (Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2017). BPM merumuskan bahawa program hafazan al-Quran yang dilaksanakan di MRSM Ulul Albab Gemencheh telah berada pada tahap yang baik dengan 61% pelajar berjaya khatam hafazan mereka dalam tempoh lima tahun pengajian di MRSM Ulul Albab. Pencapaian ini membuktikan bahawa program hafazan al-Quran di MRSM telah dilaksanakan mencapai matlamat pelaksanaan domain Quranik. Pencapaian 61% pelajar khatam menunjukkan prestasi yang wajar dibanggakan. Ini menunjukkan usaha pentadbir, guru dan pelajar dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan huffaz menerusi Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab. Namun begitu dari sudut pandang pengkaji, keputusan yang telah masih tidak memenuhi matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak BPM. Penelitian pengkaji menerusi beberapa dokumen bertulis antaranya Buku Modul Hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab (2008) Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab (t.t) dan Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab, Bahagian Pendidikan Menengah MARA (2008) tiada tercatat sebarang nilai sebagai penanda aras bagi mengukur tahap pencapaian hafazan di kalangan pelajar.

Isu ketiga yang menarik perhatian pengkaji untuk mencadangkan sebuah kerangka model hafazan al-Quran yang sesuai dilaksanakan di MRSM Ulul Albab adalah menerusi dapatan kajian yang dijalankan oleh Umi Khalthom et al. (2015). Hasil kajian yang dijalankan mendapati bahawa terdapat dikalangan pelajar-pelajar MRSM Ulul Albab yang mengalami kecelaran identiti dan merasakan bahawa pelaksanaan program pengajaran hafazan al-Quran di MRSM Ulul Albab kurang memberi kesan kepada jiwa mereka untuk menjadi huffaz yang benar-benar menjiwai al-Quran. Pelajar menyatakan bahawa, ilmu al-Quran yang mereka pelajari di MRSM tidak memberi kesan kepada jiwa mereka kerana proses pengajaran dan pembelajaran lebih mementingkan aspek hafazan al-Quran tanpa memberi penekanan kepada aspek kefahaman al-Quran. Tiga isu yang dinyatakan menerusi kajian yang dijalankan di MRSM Ulul Albab membuka satu ruang kepada pengkaji untuk menjalankan analisis terhadap tiga model hafazan yang telah diamalkan di kebanyakan institusi pendidikan tahniz di luar dan dalam negara. Keserasian diantara ketiga-tiga model yang dinyatakan akan diketengahkan

untuk mencadangkan sebuah kerangka model hafazan al-Quran yang sesuai dilaksanakan di MRSM Ulul Albab di seluruh Malaysia bagi membantu phak BPM MARA dalam melahirkan generasi *Hamalatul Quran* menerusi aktiviti hafazan al-Quran.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka aspek pelaksanaan model hafazan al-Qabisi, al-Nawawi dan Model Hafazan Malaysia dan synerginya dalam membentuk model hafazan di MRSM Ulul Albab.

Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan kajian iaitu:

Sejauhmanakah model hafazan al-Quran al-Qabisi, al-Nawawi dan Model Hafazan Malaysia dapat disenergikan untuk membentuk model hafazan MRSM Ulul Albab.

Methodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen. Beberapa dokumen telah dipilih dan diteliti untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Maklumat-maklumat yang telah di kumpul dan dianalisis berdasarkan tema bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu. Data dan maklumat yang diperolehi dikelaskan dalam bentuk jadual untuk membuat perbandingan dan persamaan bagi setiap model-model hafazan al-Quran yang telah dipilih. Pada peringkat akhir kajian, pengkaji mencadangkan satu kerangka model hafazan al-Quran yang bersesuaian dengan program hafazan al-Quran untuk dilaksanakan di MRSM Ulul Albab berdasarkan maklumat yang telah dikumpul melalui analisis terhadap tiga model hafazan yang telah dinyatakan.

Dapatan Kajian

Analisis berdasarkan tema telah dijalankan terhadap tiga model hafazan al-Quran iaitu model hafazan al-Quran al-Qabisi, Model Hafazan al-Quran al-Nawawi dan Model Hafazan Malaysia. Perincian bagi setiap model hafazan adalah seperti berikut.

Model Hafazan al-Quran al-Qabisi (1955)

Nama sebenar al-Qabisi adalah Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Khalaf al-Macatawi (Zulazizi et al., 2021) al-Qabisi merupakan ulama yang banyak memberi sumbangan dalam dunia Pendidikan Islam terutama dalam bidang Pendidikan al-Quran. Menurut al-Qabisi, terdapat dua objektif yang perlu dicapai dari proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu *Makrifatuddin* (mengenal agama Alllah) dan pembinaan sahsiah yang terpuji menerusi penghayatan al-Quran (Azmil&Kamarul, 2016). Oleh kerana al-Quran merupakan kitab yang khusus diturunkan oleh Allah kepada umat Islam, maka menjadi kefarduan kepada umat Islam

untuk mempelajari al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Secara umumnya model pembelajaran al-Quran al-Qabisi amat menekankan pembentukan akhlak mulia sebagai cerminan muslim sejati. Bagi tujuan pendidikan tahliz al-Quran secara khususnya, al-Qabisi meletakkan tiga objektif utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Azmil & Kamarul Azmi (2016) menyenaraikan objektif-objektif menurut al-Qabisi seperti berikut:

1. **Hifz (Hafal):** Melahirkan huffaz yang menguasai hafazan al-Quran dengan fasih dan lancar serta kuat ingatan tanpa melihat mushaf al-Quran.
2. **Al-Wa'i (penghayatan):** Melahirkan penuntut dalam bidang al-Quran yang menguasai dan menghayati pengajaran al-Quran.
3. **Istirja' (Lancar):** memiliki kemahiran-kemahiran pembacaan al-Quran dengan baik serta mampu menghafal ayat-ayat al-Quran dengan kuat ingatan.

Farah Ilyani et al. (2018), menyatakan bahawa model hafazan al-Qabisi menggabungkan kaedah hafazan al-Quran dan rangsangan pancaindera. Empat rangsangan panca indera iaitu mendengar, melihat, membaca dan menulis dijalankan seiring dengan kaedah *talqin*, *takrir*, *al mail* dan *al Fahm* (Jamalil et al, 2017, Azmil& Kamarul Azmi, 2016). Melalui rangsangan kepelbagaiannya pancaindera, pelajar dapat melancarkan dan menguatkan hafazan. Kaedah *talkin* dan *takrir*, pula dapat membantu mengekalkan ingatan agar kukuh dalam memori seseorang huffaz melalui teknik pengulangan. Kaedah *al-fahm* pula lebih menekankan aspek kefahaman manakala *al mail* pula merupakan suatu perasaan cinta terhadap al-Quran yang timbul setelah sesuatu ayat al-Quran dibaca, diulang dan difahami maknanya. Ingatan dan kefahaman terhadap sesuatu ayat yang dihafal dapat membantu seseorang huffaz untuk merasai kelazatan dalam memahami dan menghayati maksud sesuatu ayat. Kefahaman inilah yang diterjemahkan dalam bentuk perkataan dan perbuatan.

Bagi menilaian tahap pencapaian hafazan pelajar menurut (Azmil & Kamarul, 2016) al-Qabisi mencadangkan agar dijalankan penilaian secara formatif dan sumatif. Penilaian bernetuk formatif adalah berbentuk penilaian harian di mana pelajar akan menjalani proses penilaian secara bersemuka bersama guru mereka. Penilaian sematif pula dilakukan kepada para huffaz yang telah tamat menghafal 30 juzuk al-Quran. Dua kaedah yang dicadangkan oleh al-Qabisi iaitu kaedah *tilawah* dan *murajaah*. Peringkat pertama adalah pelajar diwajibkan untuk membaca dengan melihat mushaf al-Quran di hadapan guru sehingga khatam 30 juzuk. Peringkat ke-2, para huffaz diwajibkan untuk menghafal melalui kaedah tasmik tanpa melihat mushaf dan lancar dari aspek pembacaan dengan penggunaan tajwid yang betul, sebutan makhraj huruf. Azmil & Kamarul Azmi (2016) menyifatkan model tahliz al-Quran yang diperkenalkan oleh al-Qabisi sebagai sebuah model yang teratur secara bersisitematik. Model pengajaran dan pembelajaran tahliz al-Quran yang diperkenalkan oleh al-Qabisi ini dilihat bersifat realistik kerana mengukur tahap kemenjadian pelajar secara menyeluruh dari aspek luaran dan dalaman. Pelajar tidak hanya dinilai berdasarkan tahap keupayaan mengingat akan tetapi pelajar juga dinilai melalui perubahan tingkahlaku mereka sebagai seorang muslim yang baik dan berpekerti mulia.

Model Pendidikan hafazan al-Quran al-Nawawi

Model pendidikan al-Quran yang diperkenalkan oleh Imam al-Nawawi merupakan sebuah model pendidikan al-Quran yang dilaksanakan secara berperingkat. Melalui pengamatan menerusi kitab *At-Tibyan fil Adab Hamaltil Quran (terjemahan)* (2018) Imam al-Nawawi telah membahagikan peringkat pembelajaran al- kepada empat peringkat iaitu:

Peringkat pertama: Peringkat permulaan mempelajari al-Quran. Peringkat pertama ini merupakan peringkat persediaan kepada calon guru dan calon penuntut dalam bidang tafsir al-Quran. Ibnu Sahnun (2021) menegaskan bahawa, dalam usaha menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran lebih berkesan, guru dan pelajar harus mempunyai hubungan yang baik diantara satu sama lain. Iman al-Nawawi menegaskan bahawa seseorang penuntut seharusnya beramal dengan adab-adab yang mulia ketika berhadapan dengan guru. Begitu juga dengan guru. Seorang guru haruslah mempraktikkan adab-adab sebagai seorang murabbi (pendidik) yang baik sebagai teladan agar dapat dicontohi oleh pelajar. Secara dasarnya. Pada peringkat pertama ini, al-Nawawi sangat menekankan aspek penyediaan sumber manusia (guru dan pelajar) yang berkualiti. Calon huffaz dan calon guru haruslah mempunyai pekerti mulia menerusi amalan adab-adab sebagai seorang pengajar dan penuntut ilmu al-Quran. Konsep yang diamalkan oleh imam al-Nawawi merupakan sebuah konsep yang amat digalakkan oleh agama Islam. Islam sangat mementingkan konsep adab sebelum ilmu. Pembentukan keperibadian mulai seseorang pelajar dan guru amat wajar dilaksanakan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang harmoni.

Peringkat kedua: Persediaan emosi dalam mempelajari ilmu al-Quran. Seseorang calon huffaz yang ingin memulakan proses menghafal al-Quran sewajarnya memberi perhatian kepada peringkat persediaan emosi. Persediaan yang mantap dari aspek emosi dapat melahirkan penuntut dalam bidang al-Quran yang berdaya tahan dari aspek dalaman dalam mengharungi cabaran sebagai seorang penuntut ilmu (Sri Andayani, 2020). Persediaan rapi dari sudut emosi juga dapat menjadikan seseorang bakal huffaz itu lebih tabah dan mampan serta tidak mudah berputus asa dalam menempuh cabaran sebagai seorang huffaz. Seorang penuntut yang menceburi bidang hafazan harus menjaga kesihatan emosi agar proses hafazan tidak membebankan malah menjadi aktiviti yang menyeronokkan. Perasaan cinta terhadap al-Quran wajar dipupuk melalui pelbagai kaedah diantaranya memalui kaedah penceritaan kisah-kisah al-Quran. Apabila pelajar memahami isi kandungan dan pengajaran al-Quran, ia menjadikan jiwa mereka mudah tersentuh apabila membaca al-Quran. Perkara ini akan mempengaruhi minda dalam menghayati setiap pengajaran yang ada dalam setiap ayat al-Quran (Abas Ashafah, 2014)

Peringkat ke tiga: Persediaan jasmani dan rohani. Amalan ini dilaksanakan semasa proses hafazan. Menurut al-Nawawi, terdapat perkaitan diantara persediaan fizikal dan spiritual terhadap kekuatan memori seseorang huffaz. Pemilihan makanan yang halal dan baik adalah pendorong kepada kekuatan akal dan fizikal seseorang individu. Oleh yang demikian, pemilihan makan yang berkhasiat dapat membekalkan tenaga kepada individu untuk terus kekal bertenaga seterusnya dapat menjalankan aktiviti hafazan dengan lebih baik. Pengambilan makanan dari sumber yang halal juga merupakan faktor yang dapat mengelakkan hati dari tercemar sehingga menyukarkan proses penyerapan ilmu ke dalam dada. Amalan spiritual seperti melaksanakan amalan sunat seperti berpuasa dapat mengawal hawa dan nafsu seseorang

individu daripada melakukan perkara mungkar. Amalan-amalan sunah ini mampu mendidik jiwa para huffaz untuk mencintai sunnah Rasulullah dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Amalan spiritual pula merupakan ejen pengawal diri yang terbaik dari melakukan sebarang maksiat yang boleh merosakkan kewarasan akal dan diri. Tindakan ini wajar dilaksanakan kerana ia sejajar dengan tuntutan maqasid syariah yang menganjurkan umat Islam untuk sentiasa menjaga kewarasan akal dan keselamatan diri dari tercela.

Peringkat keempat: Mengukuhkan dan menguatkan hafazan dalam ingatan. Huffaz yang telah diperakui keupayaannya menghafal 30 juzuk al-Quran sewajarnya menjadi ahli al-Quran yang digelar sebagai Hamatul Quran. Golongan ini seharusnya melengkapkan diri dengan pengetahuan al-Quran yang lebih mendalam seperti mengusai bidang tafsir al-Quran dan tadabbur al-Quran. Kepakaran dalam bidang tafsir amat diperlukan kerana golongan huffaz bertanggungjawab untuk menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang keagamaan. Pengetahuan dan kefahaman berkaitan hukum hakam yang terdapat dalam al-Quran menjadikan golongan huffaz sentiasa diperlukan terutama dalam menyelesaikan isu-isu keagamaan dalam masyarakat. Selain itu, amalan pengukuhan seperti menjadi imam solat berjemaah dan tarawih juga amat digalakkan untuk mengukuhkan ingatan hafazan pelajar.

Model Hafazan al-Quran Malaysia (Darul Quran – JAKIM)

Model hafazan Malaysia merupakan sebuah model pendidikan hafazan al-Quran yang diperkenalkan oleh JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) menerusi Darul Quran (JAKIM, 2019). Bertitik tolak dari kesedaran terhadap perihal pentingnya mempunyai sebuah model pendidikan Tahfiz al-Quran yang bersifat setara untuk dijadikan panduan kepada semua institusi pendidikan tahfiz di negara ini, sebuah lajnah telah dibentuk untuk membincangkan rekabentuk model pendidikan tahfiz Model Malaysia. Lajnah ini telah menetapkan matlamat utama pelaksanaan model ini adalah untuk mengerakkan pusat tahfiz al-Quran di seluruh negara sebagai pusat melahirkan *Hamlatul Quran* yang berkualiti selaras dengan tuntutan semasa. Model Hafazan Malaysia menggabungkan empat strategi asas iaitu strategi pembelajaran hafazan sebelum menghafal, semasa menghafal, tasmik dan selepas menghafal (Abd Manaf et al., 2015).

Nordin Ahmad (2018) menyatakan bahawa diantara punca berlakunya masalah keciciran dikalangan pelajar-pelajar lepasan pusat tahfiz al-Quran adalah pusat tahfiz tidak mengambil kira aspek kesediaan pelajar sebelum memulakan pengajian tahfiz al-Quran. Oleh yang demikian Model Hafazan Malaysia mencadangkan agar setiap pusat tahfiz untuk menjalankan sesi temuduga untuk memilih calon-calon yang benar-benar berkelayakan sebelum memulakan pengajian mereka. Penetapan matlamat dan objektif yang jelas oleh sesebuah pusat tahfiz juga perlu dimurnikan agar perjalanan program pengajian tidak tersasar dari matlamat yang sebenar. Calon-calon huffaz yang bakal mengikuti pengajian di sesebuah pusat tahfiz al-Quran seharusnya menunjukkan minat dan motivasi yang tinggi serta bersedia dari sudut fizikal dan mental dalam menempuh cabaran dalam tempoh pengajian. Oleh yang demikian, proses temuduga harus dijalankan bagi memilih calon-calon huffaz yang berkualiti dari aspek penguasaan pembacaan al-Quran dan minat yang mendalam terhadap hafazan al-Quran.

Peringkat kedua adalah strategi semasa proses pengajaran hafazan berlangsung. Aspek persediaan fizikal seperti lokasi yang sesuai untuk menghafal al-Quran, penyusunan jadual waktu yang efision, peranan guru dalam menjayakan program hafazan serta aktiviti-aktiviti pengukuhan hafazan perlu dilaksanakan dengan teliti agar perjalanan program dapat dilaksanakan dengan lancar. Pada peringkat ini, pengkaji juga merasakan bahawa kerjasama diantara guru dan pelajar dalam menjayakan program hafazan adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian. Ini kerana tanpa hubungan dan komunikasi yang baik diantara guru dan pelajar, proses pembelajaran hafazan al-Quran tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Persediaan aspek fizikal yang baik dapat memastikan perjalanan program tahfiz al-Quran dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh yang demikian, individu atau agensi yang terlibat dengan penubuhan sebuah institusi tahfiz al-Quran sewajarnya memastikan setiap sumber yang diperlukan berada dalam keadaan yang baik. Sumberboleh dibahagikan kepada aspek penyediaan sumber manusia iaitu guru dan kaki tangan pusat pengajian dan sumber fizikal institusi seperti bangunan, alat bantu mengajar dan lain-lain lagi.

Penilaian prestasi hafazan pelajar merupakan satu perkara yang terpenting dalam memastikan sesuatu tindakan yang dijalankan terhadap pelajar benar-benar memberi kesan kepada penguasaan dan tingkah laku pelajar. Bagi penilaian program hafazan, kaedah tasmik merupakan kaedah utama yang perlu diberi perhatian dalam menilai aspek penguasaan pelajar dalam membaca, mengingat mengekalkan hafazan. Oleh yang demikian, pemilihan kaedah penilaian hafazan pelajar wajar diberi keutamaan agar huffaz yang dihasilkan adalah mereka yang benar-benar berkualiti dan memiliki tahap penguasaan ilmu al-Quran yang diperakui.

Strategi yang terakhir adalah persediaan selepas menghafal. Pada peringkat ini, seorang huffaz haruslah melaksanakan beberapa perkara bagi tujuan menguatkan dan mengukuhkan hafazan dalam ingatan. Amalan seperti mengulang hafazan secara bersistematik mengikut peringkat tertentu wajar dilaksanakan bagi menguatkan hafazan pelajar. Hasil penelitian kepada model hafazan Malaysia ini, pengkaji mendapati bahawa model hafazan Malaysia ini lebih terarah kepada proses memindahkan bacaan ayat al-Quran kepada ingatan dan proses menguatkan hafazan daripada lupa. Terdapat perbezaan diantara model hafazan yang diperkenalkan oleh al-Qabisi dan al-Nawawi jika dibandingkan dengan Model hafazan Malaysia ini. Model hafazan Malaysia yang diperkenalkan oleh JAKIM lebih tertumpu kepada proses hafazan semata tanpa memberi penekanan kepada proses kefahaman isi kandungan semasa proses hafazan berlangsung. Namun begitu, pengkaji tidak bermaksud bahawa JAKIM tidak mementingkan aspek kefahaman al-Quran. Pihak JAKIM tidak sama sekali mengabaikan aspek kefahaman al-Quran malahan Pihak JAKIM telah menawarkan program pengajian kefahaman al-Quran dengan lebih bersistematik dengan menawarkan subjek-subjek khusus yang berkaitan kefahaman al-Quran pada sesi pembelajaran yang lebih formal. Penawaran seperti subjek-subjek *tafsir al-Quran*, *I'jazul al-Quran* dan banyak lagi merupakan penyokong kepada proses penghayatan al-Quran dalam jiwa pelajar.

Analisis terhadap Tiga Model Hafazan

Hasil penelitian terhadap tiga model hafazan al-Quran mendapati bahawa terdapat persamaan dan perbezaan diantara ketiga-tiga model ini. Kepelbagaiannya yang terkandung dalam setiap model akan memberi impak yang positif kepada sebuah institusi yang menjalankan program

hafazan al-Quran kerana idea-idea yang termaktub dalam setiap model yang dinyatakan boleh menjadi panduan dalam melaksanakan program hafazan yang lebih berkualiti.

Jadual 7.0 : Analisis terhadap tiga model hafazan Al-Quran

Model	Matlamat	Isi kandungan model/modul	Kumpulan sasaran
al-Qabisi	1. <i>Makrifatuddin</i> 2. Pembentukan Akhlak mulia	1. Persediaan dalaman bakal huffaz. 2. Persediaan luaran bakal huffaz. 3. Kaedah hafazan. 4. Kefahaman al-Quran	a. Pelajar tahfiz di pelbagai peringkat umur. b. Guru al-Quran
al-Nawawi	1. Mendapat kesejahteraan di dunia dan akhirat menerusi keimanan terhadap kitab Allah. 2. Melahirkan huffaz yang bersifat <i>Hamalatul Quran</i> .	1. -Strategi hafazan al-Quran menerusi penerapan adab bermula dari peringkat: a. Mempelajari al-Quran. b. Adab menjadi seorang huffaz. c. Adab seorang huffaz d. Adab terhadap sejagat terhadap al-Quran.	a. Pelajar b. Guru c. Muslim sejagat
Model Hafazan Malaysia	Menyeragamkan sistem pendidikan di semua institusi Tahfiz bagi melahirkan generasi <i>Hamalatul Quran</i>	1. Strategi sebelum menghafal 2. Strategi semasa menghafal 3. Strategi penilaian 4. Strategi pengukuhan hafazan	a. Pelajar b. Guru

Sumber: Model al-Qabisi, Model Al-Nawawi dan Model Hafazan Malaysia

Aspek persamaan yang dikenal pasti oleh pengkaji terhadap ketiga-tiga model ini adalah dari sudut matlamat pelaksanaan program iaitu melahirkan pelajar dalam bidang hafazan yang mempunyai kualiti diri yang bercirikan *Hamalatul Quran*. Hasil penelitian mendapati setiap model mempunyai cabang pembentukan keperibadian huffaz yang bersifat *Hamlatul Quran* dengan cara yang berbeza. Aspek persamaan adalah seperti berikut:

1. Model al-Qabisi dan model al-Nawawi menekankan konsep melahirkan huffaz yang lebih mengenali agama menerusi aktiviti hafazan al-Quran. Model Hafazan Malaysia pula lebih tertumpu kepada proses untuk menyeragamkan institusi-institusi tahfiz yang beroperasi di Malaysia agar proses melahirkan huffaz yang bersifat *Hamlatul Quran* yang seragam di setiap institusi tahfiz al-Quran.
2. Aspek persamaan yang kedua adalah dari sudut kumpulan sasaran bagi pelaksanaan model-model hafazan ini. Guru dan pelajar merupakan dua individu yang saling

berhubung diantara satu sama lain dalam mewujudkan interaksi pembelajaran yang berkesan. Oleh yang demikian ketiga-tiga model yang dinyatakan sangat mementingkan kerjasama diantara guru dan pelajar. Hubungan yang baik diantara guru dan pelajar juga dapat mewujudkan iklim pembelajaran yang interaktif dan menarik. Model-model yang dinyatakan juga menekankan aspek persediaan guru sebelum menjalankan proses pengajaran. Guru harus melengkapkan diri dengan pengetahuan agar ilmu dapat disampaikan dengan baik. Kesediaan pelajar dari aspek jasmani, emosi dan rohani juga perlu diberi perhatian agar pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang tafsir al-Quran mempunyai kesungguhan dan keluhuran jiwa dalam mempelajari al-Quran.

Walau pun terdapat persamaan diantara model-model ini, pengkaji mendapati terdapat perbezaan diantara ketiga-tiga model ini dari sudut isi kandungan model. Aspek perbezaan ketiga-tiga model adalah seperti berikut:

1. Model al-Qabisi merupakan gabungan tiga aspek utama iaitu proses pengajaran, penilaian dan proses kefahaman al-Quran. Seseorang yang digelar *makrifatuddin* adalah mereka yang memahami agama menerusi penguasaan dan penghayatan al-Quran. Proses penilaian aspek kemenjadian seseorang huffaz tidak hanya dinilai menerusi jumlah mukasurat hafazan, namun kemenjadian huffaz yang berkualiti juga dinilai menerusi perubahan tingkah laku pelajar seiring dengan ajaran yang terkandung dalam al-Quran.
2. Model al-Nawawi lebih mementingkan pembentukan jati diri muslim yang beriman kepada kitab Allah dengan sebenarnya menerusi pembumian adab dalam diri guru dan pelajar. Matlamat dari pengajian al-Quran menurut An-Nawawi adalah untuk melahirkan manusia yang cemerlang didunia dan diakhirat. Proses pengajaran dan pembeajaran al-Quran diterjemahkan dalam bentuk adab. Melalui adab-adab yang diterapkan kepada huffaz, al-Nawawi mengabungkan tatacara hidup berlandaskan sunnah dan nilai-nilai murni sebagai seorang huffaz.
3. Model hafazan Malaysia pula dilihat sebagai sebuah model hafazan yang lengkap dengan mengambil kira perkembangan program pendidikan hafazan al-Quran secara berperingkat. Strategi-strategi hafazan seperti strategi sebelum menghafal, strategi semasa menghafal, strategi penilaian hafazan dan strategi pengukuhan hafazan merupakan gabungan daripada kaedah dan teknik hafazan, adab serta amalan-amalan adab yang perlu dilakukan oleh seorang huffaz pada empat peringkat yang berbeza.

Cadangan terhadap pembentukan kerangka model hafazan MRSM Ulul Albab

Berdasarkan aspek persamaan dan perbezaan ketiga-tiga model hafazan yang telah dinyatakan, pengkaji berpendapat bahawa:

1. Menyesuaipadankan aspek penetapan matlamat program hafazan al-Quran di MRSM Ulul Albab berpandukan kepada matlamat pendidikan hafazan al-Quran yang telah ditetapkan oleh model al-Qabisi, al-Nawawi dan Model Hafaz Malaysia. pelaksana program hafazan di MRSM Ulul Albab sewajarnya mencari garis kesepadan diantara

ketiga-tiga model yang dinyatakan dalam menetapkan matlamat program pendidikan tahniz al-Quran yang sesuai untuk diamalkan di MRSM Ulul Albab. Generasi *Hamalatul Quran* yang dihasilkan oleh MARA haruslah sesuai dengan tuntutan semasa dan tidak tersasar dari matlamat asal pelaksanaan program. Selain itu, generasi Hamalatul Quran garapan MARA juga haruslah memenuhi objektif pelaksanaan program agar tidak tersasar dari matlamat yang ingin dicapai.

2. Peka terhadap aspek pemilihan sumber manusia. Pihak pentadbir seharusnya peka terhadap kesediaan guru dan pelajar dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru harus dibekalkan dengan ilmu dan pengetahuan yang cukup berkaitan al-Quran manakala pelajar pula harus disuntik dengan aktiviti-aktiviti kerohanian agar dapat menyuburkan roh Islami dalam diri mereka. Keperluan dan kemudahan asas untuk kegunaan pelajar dan guru juga wajar dititikberatkan agar proses pemindahan ilmu dapat dilaksanakan dengan berkesan.
3. Menyusun semula strategi pengajaran dan pembelajaran yang setara dan sesuai dilaksanakan di semu MRSM Ulul Albab. Modul Hafazan MRSM Ulul Albab harus diteliti semula dengan membuat penambahbaikan dari aspek isi kandungan. Idea-idea yang dinyatakan seperti menyusun strategi pembelajaran secara berfasa seperti yang dicadangkan oleh Model Hafazan Malaysia serta penerapan adab-adab yang dicadangkan oleh imam al-Nawawi wajar diterapkan sebagai salah satu isi kandungan model hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab.
4. Penilaian prestasi hafazan pelajar juga wajar dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh al-Qabisi. Al-Qabisi mencadangkan proses penilaian hafazan dijalankan secara berperingkat. Peringkat pertama menguji keupayaan membaca al-Quran dengan tepat dari segenap aspek seperti tajwid dan fasohah. Dalam usaha melahirkan generasi hamalatul Quran penilaian dari aspek tingkah laku pelajar juga harus dilakukan secara berterusan. Guru harus melihat setiap perubahan tingkah laku pelajar agar akhlak dan tingkah laku mereka sejajar dengan apa yang mereka pelajari dan fahami dari al-Quran.
5. Melaksanakan aktiviti pengayaan bagi menyuburkan rasa cinta kepada al-Quran. Model al-Qabisi dan al-Nawawi mencadangkan agar proses pendidikan al-Quran tidak terhenti setelah pelajar tamat menghafal 30-juzuk al-Quran. Para huffaz dianjurkan untuk mendalami pelbagai cabang ilmu agama untuk mengukuhkan rasa cinta mereka terhadap ilmu al-Quran kerana sumber utama setiap cabang ilmu adalah daripada al-Quran. Tingkat keupayaan untuk memahami al-Quran menjadi mudah sekiranya para huffaz sentiasa merujuk al-Quran sebagai panduan dalam menyelesaikan sesuatu masalah.
6. Memberi perhatian kepada aspek kefahaman al-Quran. Proses pendidikan hafazan al-Quran sewajarnya tidak mengabaikan aspek kefahaman isi kandungan al-Quran. Al-Qabisi dan al-Nawawi misalnya sangat mementingkan aspek kefahaman al-Quran. Perkara ini juga amat diberi penekanan oleh Rasulullah. Menghafal tanpa memahami makna menjadikan aspek keilmuan hafazan al-Quran terbatas dengan perkara-perkara tertentu sahaja. Dalam usaha melahirkan generasi al-Quran yang mampu menjadi pemimpin masyarakat, para huffaz sewajarnya menjadi ahli al-Quran yang bukan sahaja fasih membaca ayat al-Quran, namun mereka juga mahir dalam berhujah dengan dalil-

dalil dari al-Quran. Generasi ini bukan sahaja mampu menjadi pemimpin masyarakat malahan mampu menjadi generasi yang menjaga kemutawatiran al-Quran.

Kesimpulan

Pelaksanaan program Pendidikan tahliz al-Quran merupakan sebuah usaha yang murni dalam menjaga dan mengembangkan ilmu al-Quran. Rasulullah telah meninggalkan asas sebagai panduan kepada umat Islam dalam memastikan ilmu ini bergerak sesuai dengan peredaran zaman. Penambahbaikan dari masa ke semasa terhadap aktiviti hafazan al-Quran amat diperlukan dalam usaha melahirkan generasi al-Quran yang cemerlang dari aspek hafazan dan kefahaman al-Quran. Usaha MARA dalam melahirkan generasi Ulul Albab yang mempunyai kualiti diri sebagai insan *Hamalatul Quran* wajar diberi pujian. Di kala umat Islam berdepan dengan pelbagai cabaran yang boleh merosakkan akidah MARA tampil dengan memberi suntikan unsur kerohanian dalam sanubari generasi muda yang bakal menjadi pemimpin bangsa melalui Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab. Penawaran program Ulul Albab ini merupakan sebuah usaha yang wajar dikekalkan kelestariannya. Oleh yang demikian, penambahbaikan dari segenap aspek harus dilaksanakan agar program hafazan di MRSM Ulul Albab terus relevan dalam melahirkan generasi yang berkualiti pada masa akan datang.

Rujukan

- Abas Asyafah. 2014. *Konsep Tadabbur al-Quran*. CV Maulana Media Grafika, Bandung, Indonesia.
- Abdul Jalal Abdul manaf, Shamsul Dahalan, Mohamad Abdul Rahim, Muhamad Yaacob, Zamzariah Sood, Sukhairu Sulaiman, Mohd Sidek, Nur Mudeen, 2015. *Keberkesanan Kaedah Kefahaman Makna Ayat Al-Quran Berbantukan Al-Quran Terjemahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Hifz Al-Quran*, Laporan Penyelidikan Darul Quran 2015.
- Arniyuzie Mohd Arshad, 2015. Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(4):22-35.
- Azmil hasyim & Kamarul Azmi Jasmi. 2016. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA. 2022. *Laporan Hafazan Bulan Oktober 2022*, Unit Pendidikan Islam BPM MARA. Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Menengah MARA. (t.th). *Sistem Pendidikan MRSM*. Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Menengah MARA. 2008. *Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab*. Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Menengah MARA. 2008. *Modul Hafazan al-Quran MRSM Ulul Albab*. Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kuala Lumpur.
- Bahagian Pendidikan Menengah MARA. 2017. *Kajian Pencapaian Outcome (KPO) MRSM Ulul Albab Gemencheh*. Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur.

- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak, 2018. Amalan pembelajaran pelajar tafhiz di institusi tafhiz swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1): 141-148.
- <https://www.utusan.com.my/nasional/2019/04/tambah-2-lagi-mrsm-ulul-albab/> dipetik pada 25 November 2022.
- Jamalil Ismail, Sabri Mohamad & Tengku Intaz Zarina, 2017. Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia; Satu tinjauan, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15(1): 51-60.
- Mohammad Zawawi Abdullah, 2015. *Ulum Al-Quran Satu Pengenalan (Edisi Rumi)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Mohd Hakim Mothar Rijan, Mahmood Sabtu, Azmi Budin, 2021. Kefahaman Ayat al-Quran Di kalangan Pelajar tafhiz: Satu Sorotan. Kolej Universiti Islam Melaka, *Jurnal Maw'izah*. 4: 1-10.
- al-Nawawi, Imam. 2017. *At-Tibyan fil Adab Hamaltil Quran (Terjemahan)*. Telaga Biru, Shah Alam.
- Nik Md Saiful Azizi & Rabi'atul Atirah. 2020. Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur, *Jurnal Darul Quran*, 24: 145-169.
- Nordin Ahmad, 2018. Pengiktirafan Huffaz di Malaysia: Satu Cadangan, *Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan Tahun 2018*, Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Hotel Putra Kuala Lumpur, tarikh 26-28 Mac 2018.
- al-Qaradawi, Yusuf, 2018. *Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Quran (terjemahan)*, Pustaka al-Khausar, Jakarta Timur, Indonesia.
- Rashidi Abbas dan Azhar Jaafar @ Ramli. 2018. *Pendidikan Tahfiz dan Kemahiran Insaniah*, Universiti Malaysia Kelantan.
- Sabri Mohamad Sharif. 2009. *Generasi Ulul Albab Segunung Harapan Seteguh Intan*, Prisma Publication, Shah Alam, Selangor.
- Sri Andayani, 2020. Kesediaan dan Amalan Guru dalam Pengajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) Sekolah Menengah di Malaysia, Thesis Ijazah Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umi Kalthom Abdul Manaf, Nurul Fitriah Alias, & Ady Hameme Nor Azman. 2015. Academic expectations of MARA stakeholders on the Ulul Albab curriculum at a MARA Junior Science College. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching*, 3 (1): 47-59.
- Zainora Daud, Nor Nadirah Hussin & Phayilah Yama, 2018. Pelaksanaan Program Ulul Albab di MRSRM: Satu Kajian, *Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith* 2018, Ilim, Bangi, Selangor.
- al-Zarnuji, Sheikh Burhanuddin. 2020. *Ta'alim Al-Muta'alim Thariqa At-Taallum*, Jabal Maraqy Sdn. Bhd, Kota Bharu, Kelantan.